

MPC(NRO)200-4/3(2024)

25 September 2024

Puan Zarina Binti Abdullah

Timbalan Pengarah (Akademik)
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia
(Kejururawatan) Bertam
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.

Puan,

TAWARAN PENGURANGAN HARGA SEWAAN DEWAN PRODUKTIVITI DAN KAFETERIA DI MPC WILAYAH UTARA PADA 01 JULAI 2025 – 10 OKTOBER 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Bertam, nombor rujukan KKM.ILBTM.510-8/14/1 JLD.4 bertarikh 20 September 2024 adalah berkaitan.

2. Terlebih dahulu, MPC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak ILKKM Bertam kerana berminat untuk menyewa kemudahan Dewan Produktiviti dan Kafeteria di MPC Kepala Batas bagi tujuan pelaksanaan program Pengajaran dan Pembelajaran pada tahun 2025.
3. MPC mengambil maklum tentang permohonan pengurangan harga yang dipohon oleh pihak ILKKM sesuai dengan langkah-langkah perbelanjaan secara berhemah. Sehubungan itu, MPC ingin menawarkan pengurangan harga sewaan Dewan Produktiviti dan Kafeteria sebanyak 20% daripada harga keseluruhan yang ditawarkan di dalam sebut harga sebelum ini. Justeru, jumlah keseluruhan baharu yang ditawarkan kepada pihak ILKKM adalah sebanyak **RM93,800.00**.
4. MPC berharap agar tawaran pengurangan harga ini dapat memenuhi keperluan pihak ILKKM dan sekiranya bersetuju, mohon untuk mengisi Surat Setuju Terima seperti di dalam sebut harga sebelum ini.
5. Pihak kami sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan minat pihak ILKKM kerana memilih MPC Kepala Batas sebagai salah satu penyedia perkhidmatan kepada program tersebut dan sekiranya pihak ILKKM memerlukan maklumat lanjut berkenaan perkara ini, boleh berhubung dengan Encik Mohd Faizol bin Abd Rahman di talian 013-7118134 atau e-mel di mohdfaizol@mpc.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD AZROL BIN MOHAMAD DALI)

Pengarah Wilayah Utara

b.p. Pengarah Wilayah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)